

Headline **FRIM terima anugerah Nikkei Asia**
Date **21. May 2009** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **3**
Section **Dlm Negeri** Article Size **196** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Black/White**
AdValue



FRIM terima anugerah Nikkei Asia

KUALA LUMPUR 20 Mei – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dianugerahkan Hadiah Nikkei Asia bagi kategori sains, teknologi dan inovasi pada majlis penyampaian di Tokyo, Jepun hari ini.

FRIM dalam satu kenyataannya di sini memberitahu, anugerah yang disampaikan sempena majlis penganugerahan kali ke-14 Hadiah Nikkei Asia itu diterima oleh Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Menurutnya, anugerah tersebut diberi sebagai pengiktirafan kepada FRIM atas sumbangan institut itu dalam usaha pemuliharaan alam sekitar di rantau Asia.

Pengerusi Nihon Keizai Shimbun, Inc. (Nikkei), Ryoki Sugita memberitahu Abd. Latif mengenai kekaguman panel pemilihan terhadap sumbangan FRIM dalam pemuliharaan hutan dan penggunaan lestari sumber kekayaan hutan.